



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sebelum jam 3.00 petang, 30 Jun 2026.



**Untuk Terbitan Media**  
**30 Jun 2026**

## **SIARAN MEDIA BERSAMA**

### **PROGRAM PEMANDU SIHAT DAN SELAMAT (PSS) PERKUKUH KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN PEMANDU KOMERSIAL**

**KUALA LUMPUR:** Program Pemandu Sihat dan Selamat (PSS) berupaya menjadi langkah intervensi awal terbaik bagi membendung risiko kemalangan jalan raya dalam kalangan pemandu kenderaan perdagangan serta pengangkutan awam.

Usaha strategik dan bersasar ini dilaksanakan melalui kerjasama Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Pengangkutan (MOT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan berkata, faktor kesihatan seperti keletihan, mengantuk, tekanan kerja serta penyakit tidak berjangkit (NCD) dikenal pasti antara penyumbang utama kepada risiko kemalangan jalan raya melibatkan pemandu komersial.

“Sehubungan itu, saringan kesihatan yang menjadi instrumen utama program ini dipermudah kepada pemandu yang memiliki Lesen Kenderaan Barangan (Lesen Kelas GDL E (Kejur/Bersendi)) dan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (Lesen PSV E (Bas)) bagi memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa berada pada tahap optimum.

“Untuk tahun pertama pelaksanaan, program ini dilaksanakan secara bayaran bersama (co-payment), di mana pemandu hanya perlu membayar RM30 bagi menjalani pemeriksaan kesihatan menyeluruh, manakala baki kos sebanyak RM55 ditanggung oleh kerajaan dan PERKESO.

“Program PSS terbuka kepada warganegara Malaysia berumur antara 40 hingga 59 tahun yang merupakan pencarum aktif di bawah Skim Lindung Pekerja atau Lindung Kendiri serta memiliki lesen vokasional PSV E (Bas), GDL E (Kejur) atau GDL E (Bersendi).

“Orang ramai dan pemandu yang layak digalakkan memanfaatkan inisiatif ini bagi memastikan tahap kesihatan dan kecergasan mereka sentiasa dipantau demi keselamatan diri serta seluruh pengguna jalan raya.

Tambah beliau, pelaksanaan pendekatan proaktif ini disifatkan tepat pada masanya, memandangkan angka korban membabitkan pekerja dalam kemalangan jalan raya meningkat 22.3 peratus kepada 115 kes pada tahun lalu, berbanding 94 kes pada 2024.

Statistik PERKESO itu antara lain merangkumi pelbagai kategori pekerja yang sebahagian besar tugas mereka memerlukan komitmen perjalanan menggunakan jalan raya seperti pemandu lori, bas, van, kereta dan motosikal.

“Secara perbandingan daripada keseluruhan angka kematian, pemandu lori dikenal pasti merekodkan kadar tertinggi iaitu 62 kes atau 21 peratus.

“Justeru, saringan kesihatan yang akan dilaksanakan merangkumi pemeriksaan fizikal, penglihatan dan pendengaran, saringan gangguan tidur seperti Obstructive Sleep Apnea (OSA), penilaian sistem kardiovaskular, respiratori, neurologi dan muskuloskeletal serta ujian HbA1c bagi pemandu yang mempunyai rekod diabetes,” tambah beliau.

Dalam pada itu, Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook berkata, pelaksanaan program itu merupakan langkah intervensi awal yang penting bagi membantu mengenal pasti tahap kesihatan pemandu secara lebih menyeluruh, sekali gus mengurangkan risiko kemalangan dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

“Selain memperkukuh budaya keselamatan dalam sektor pengangkutan, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan kesejahteraan pekerja terus diberi perhatian secara holistik,” menurut kenyataan bersama tersebut.

MOT komited untuk terus memperkukuh aspek keselamatan jalan raya melalui pendekatan yang lebih menyeluruh dan berteraskan kesejahteraan rakyat. PSS ini bukan sahaja memberi fokus kepada tahap kesihatan pemandu komersial, malah menjadi langkah penting dalam memastikan sistem pengangkutan negara lebih selamat, mampan dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau emel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**##TAMAT##**

**Dikeluarkan pada 30 Jun 2026**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**Emel: [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)/**

**[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**

**Emel: [ukk\\_kesuma@mohr.gov.my](mailto:ukk_kesuma@mohr.gov.my)**

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)**

**Abdullah Mahyudin**

**Pegawai Perhubungan Awam**

**[abdullah.mahyudin@jpi.gov.my](mailto:abdullah.mahyudin@jpi.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**

**Ridauddin Daud**

**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**